



MINORITY SHAREHOLDER WATCH GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia \* Company No. 524898-M

## The Observer

25.05.2018

### TINJAUAN MINGGUAN AGM MSWG UNTUK TEMPOH 28 MEI HINGGA 1 JUN 2018

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan MSWG pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

Tarikh & Masa	Syarikat	Lokasi
28.05.18 (Isnin) 09.30 pagi	Xinghe Holdings Bhd (AGM)	The Royal Commonwealth Society, No. 4, Jalan Birah, Damansara Heights, KL
28.05.18 (Isnin) 10.00 pagi	RGB International Bhd (AGM)	Bayview Hotel Georgetown Penang, 25A Farquhar Street, Penang
28.05.18 (Isnin) 10.00 pagi	Naim Holdings Bhd (AGM)	Damai Beach Resort, Teluk Bandung Santubong, Kuching, Sarawak
28.05.18 (Isnin) 10.00 pagi	IHH Healthcare Bhd (AGM)	Hilton Hotel KL Sentral, 3 Jalan Stesen Sentral, KL
28.05.18 (Isnin) 10.00 pagi	Sino Hua-An International Bhd (AGM)	The Royal Selangor Golf Club, Jalan Kelab Golf, Off Jalan Tun Razak, KL
28.05.18 (Isnin) 10.00 pagi	NPC Resources Bhd (AGM)	The Palace Hotel, No. 1, Jalan Tangki, Karamuning, Kota Kinabalu, Sabah
28.05.18 (Isnin) 10.30 pagi	Hock Heng Stone Industries Bhd (AGM)	Ornaresort Berhad, Batu 16, Jalan Gapam, Ladang Gapam, Bemban, Melaka
28.05.18 (Isnin) 02.00 petan	Hap Seng Plantations Bhd (AGM)	Menara Hap Seng, Jalan P. Ramlee, KL
28.05.18 (Isnin) 03.00 petang	JcbNext Bhd (AGM)	Prescott Hotel Kuala Lumpur- Medan Tuanku, 23 Lorong Medan Tuanku 1, KL
30.05.18 (Rabu) 09.00 pagi	Magnum Bhd Bhd (AGM)	Flamingo Hotel By The Lake, No. 5 Tasik Ampang, Jalan Hulu Kelang, Jaln Ampang, KL
30.05.18 (Rabu) 09.30 pagi	Puncak Niaga Holdings Bhd (AGM)	Hotel Concorde Shah Alam, No. 3, Jalan Tengku Ampuan Zabedah C9/C
30.05.18 (Rabu) 10.00 pagi	Paramount Corporation Bhd (AGM/EGM)	The Saujana Hotel Kuala Lumpur, Saujana Resort, Jalan LTAAS, Shah Alam
30.05.18 (Rabu) 10.00 pagi	Hap Seng Consolidated Bhd (AGM/EGM)	Menara Hap Seng, Jalan P. Ramlee, KL
30.05.18 (Rabu) 10.30 pagi	Ann Joo Resources Bhd (AGM)	Sunway Resort Hotel & Spa, Persiaran Lagoon, Bandar Sunway
30.05.18 (Rabu) 11.00 pagi	Far East Holdings Bhd (AGM/EGM)	Hotel Zenith, Jalan Putra Square 6, Kuantan, Pahang
30.05.18 (Rabu) 11.00 pagi	Tropicana Corporation Bhd (AGM)	Tropicana Golf & Country Resort, Jalan Kelab Tropicana, PJ
30.05.18 (Rabu) 11.00 pagi	Protasco Bhd (AGM)	De Centrum Tower @ De Centrum City, Jalan Ikram-Uniten, Kajang

30.05.18 (Rabu) 11.00 pagi	Malaysia Smelting Corporation Bhd (AGM/EGM)	Hotel Equatorial Penang,1, Jalan Bukit Jambul, Bayan Lepas, Penang
30.05.18 (Rabu) 11.30 pagi	Paramount Corporation Bhd (EGM)	The Saujana Hotel Kuala Lumpur, Saujana Resort, Jalan LTSAAS, Shah Alam
30.05.18 (Rabu) 02.30 petang	Focus Dynamics Group Bhd (AGM)	Menara Lien Hoe, No. 8, Persiaran Tropicana, Tropicana Golf & Country Resort, PJ
30.05.18 (Rabu) 02.30 petang	Bumi Armada Bhd (AGM)	Pusat Konvensyen Sime Darby, No. 1A, Jalan Bukit Kiara 1
30.05.18 (Rabu) 02.30 petang	MPHB Capital Bhd (AGM)	Flamingo Hotel By The Lake, No. 5, Taman Tasik Ampang, Jalan Hulu Kelang
30.05.18 (Rabu) 03.00 petang	BP Plastics Holding Bhd (AGM)	The Katerina Hotel, 8 Jalan Zabedah, Batu Pahat, Johor Darul Takzim
31.05.18 (Khamis) 10.30 pagi	CCM Duopharma Biotech Bhd (AGM)	Pusat Konvensyen Setia City, Setia Alam, Seksyen U13, Shah Alam
31.05.18 (Khamis) 09.30 pagi	Chin Hin Group (AGM)	Chin Hin Culture Centre, No. F-0-1 and F-0-2 Pusat Perdagangan Kuchai, KL
31.05.18 (Khamis) 10.00 pagi	UEM Sunrise Bhd (AGM)	Menara Korporat Persada PLUS Persimpangan Bertingkat Subang, NKVE
31.05.18 (Khamis) 10.00 pagi	Chemical Company of Malaysia Bhd (AGM/EGM)	DoubleTree by Hilton Kuala Lumpur, The Intermark, Jalan Tun Razak, KL
31.05.18 (Khamis) 02.30 petang	ZELAN BHD (AGM)	Hotel Istana, 73, Jalan Raja Chulan, Kuala Lumpur
01.06.18 (Jumaat) 09.30 pagi	Time dotCom Bhd (AGM)	The Saujana Hotel Kuala Lumpur, Saujana Resort, Jalan LTSAAS, Shah Alam
01.06.18 (Jumaat) 10.00 pagi	Tomypak Holdings Bhd (AGM)	Palm Resort & Country Club, Jalan Persiaran Golf, Off Jalan Jumbo, Senai, Johor
01.06.18 (Jumaat) 10.00 pagi	Tune Protect Group Bhd (AGM)	Connexion @ Nexus, No. 7, Jalan Kerinchi, Bangsar South City

**Perkara penting untuk diajukan:**

Syarikat	Perkara/ Isu untuk Diajukan
Xinghe Holdings Bhd (AGM)	<p>Seperti yang dinyatakan dalam pengumuman awam Syarikat bertarikh 16 Oktober 2017, sebahagian besar pendapatan yang diperolehi daripada penempatan persendirian dijangka akan digunakan sebagai modal kerja untuk Syarikat dan/atau membiayai projek pelaburan/perniagaan akan datang di Malaysia namun kami tidak melihat wang yang dikumpulkan itu dalam Syarikat.</p> <p>(i) Di halaman 62 Laporan Tahunan 2017, kami mendapati Kumpulan menghasilkan aliran tunai operasi yang kukuh pada TK2017. Apakah justifikasi untuk mengumpulkan modal kerja tambahan dengan penempatan yang mengakibatkan pencairan EPS? Apakah tahap modal kerja optimum Kumpulan?</p> <p>(ii) Nota 14 di halaman 93 Laporan Tahunan 2017 menyatakan modal saham biasa Syarikat yang diterbitkan meningkat daripada RM285,258,833 kepada RM297,158,833 dengan penempatan berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) 200,000,000 saham biasa baharu pada harga terbitan 5.2 sen sesaham pada 26 Januari 2018; dan</li> <li>2) 25,000,000 saham biasa baharu pada harga terbitan 6.0 sen sesaham pada 5 Februari 2018.</li> </ol> <p>Apakah justifikasi untuk meningkatkan modal kerja tambahan melalui penempatan ini, lebih-lebih lagi kerana Kumpulan sudah menghasilkan aliran tunai operasi yang kukuh dalam TK2017 (halaman 62 laporan tahunan 2017)?</p>

<b>Perkara penting untuk diajukan:</b>	
	<p>Penempatan umumnya mengakibatkan pencairan pendapatan sesaham dan aset bersih sesaham dan ini tidak menguntungkan pemegang saham minoriti.</p> <p>(iii) Apakah kriteria pemilihan dan kelayakan yang diperlukan untuk penempatan yang berpotensi?</p> <p>(iv) Apakah sumbangan yang diharapkan dari segi nilai tambah atau input strategik daripada penempatan itu?</p>
Naim Holdings Bhd (AGM)	<p>Kerugian Kumpulan dalam TK2017 sebahagian besarnya disebabkan oleh kerugian berjumlah kira-kira RM121 juta dalam 6 projek stesen MRT.</p> <p>(i) Apakah kemungkinan mendapatkan semula kos pecutan/ pemanjangan tertentu yang boleh dituntut daripada pelanggan dan berapakah jumlahnya?</p> <p>(ii) Adakah Syarikat membida untuk apa-apa projek infrastruktur seperti MRT 2 dan LRT 3 kerana Syarikat mempunyai kepakaran yang diperolehi daripada projek MRT terdahulu?</p>
IHH Healthcare Bhd (AGM)	<p>Soalan berikut merujuk pada Nota 30 (b) di halaman 255 Laporan Tahunan.</p> <p>(i) Kerugian pertukaran bersih berjumlah RM66.45 juta dalam TK2017.</p> <p>Bolehkah Lembaga berikan pecahan antara kerugian yang direalisasikan dan belum direalisasikan?</p> <p>(ii) Hapus kira penghutang perniagaan dan penghutang lain berjumlah RM28.07 juta dalam TK2017.</p> <p>Apakah butiran hapus kira ini?</p>
Sino Hua-An International Bhd (AGM)	<p>Harga kok melonjak kepada RMB2,293 per tan pada September 2017 berikutan kekangan kapasiti oleh Kerajaan China.</p> <p>Apakah harga semasa dan apakah harga yang dijangkakan dalam tempoh 6 hingga 12 bulan akan datang?</p>
Hock Heng Stone Industries Bhd (AGM)	<p>Halaman 6 Laporan Tahunan 2017 menyatakan Kumpulan akan memantau pemilihan pelanggannya dengan teliti dan memberi tumpuan kepada pelanggan berbayar yang baik yang menawarkan margin keuntungan yang lebih baik dalam TK2018.</p> <p>(i) Apakah sasaran pertumbuhan pendapatan untuk segmen jualan barangan bagi TK2018?</p> <p>(ii) Apakah margin keuntungan yang diharapkan oleh Kumpulan dengan memberi tumpuan kepada pelanggan berbayar yang baik? Berapakah margin keuntungan bagi TK2017?</p>
Hap Seng Plantations Bhd (AGM)	<p>Kumpulan berjaya memulakan operasi kilang biogas pertama yang terletak di Kilang Kelapa Sawit Jeroco 1 pada Mac 2017 sebagai sebahagian daripada komitmen Kumpulan untuk mengurangkan pelepasan karbon (Halaman 7 Laporan Tahunan 2017).</p> <p>(i) Sila terangkan tentang loji biogas pertama Kumpulan dari segi ciri-ciri, jangkaan kos penyelenggaraan setiap tahun dan lain-lain.</p> <p>(ii) Adakah Kumpulan mempunyai apa-apa sasaran peratus pengurangan</p>

<b>Perkara penting untuk diajukan:</b>	
	pelepasan karbon dan tempoh masa untuk mencapainya?
Puncak Niaga Holdings Bhd (AGM)	<p>Surat Pengerusi kepada pemegang saham [Halaman 16 Laporan Tahunan 2017 (AR2017)]</p> <p>Kerugian Selepas Cukai (LAT) Kumpulan daripada operasi berterusan untuk tahun ini berjumlah RM197.97 juta, kurang RM21.13 juta berbanding LAT RM219.10 juta pada TK2016. Kerugian yang lebih rendah ini sebahagian besarnya disebabkan oleh keuntungan yang dijana daripada segmen air dan air buangan serta kerugian yang lebih rendah daripada segmen pembinaan.</p> <p>(i) Bagaimanakah Lembaga Pengarah menangani prestasi kewangan yang tidak memberangsangkan ini? Bilakah Lembaga menjangka prestasi ini akan dipulihkan?</p> <p>(ii) Kumpulan mencatatkan LAT berjumlah RM4.58 juta dalam operasi yang dihentikan, hasil daripada pelupusan anak-anak syarikat Luwei (Pingdingshan) Water Co Ltd (Luwei Co Ltd) dan Xinnuo Water (Binzhou) Co Ltd (Xinnuo Co Ltd) di China.</p> <p>Mengapakah Kumpulan menjual anak-anak syarikat di China walaupun rugi?</p>
Paramount Corporation Bhd (AGM/EGM)	<p>Seperti yang dinyatakan di halaman 113 Laporan Tahunan 2017, anak-anak syarikat Kumpulan iaitu KDU University College Sdn Bhd (“KDUUC”) dan KDU College (PJ) Sdn Bhd (“KDUPJ”) berada dalam posisi rugi.</p> <p>(i) Berapakah jumlah kerugian yang direkodkan oleh KDUUC dan KDUPJ pada TK2017?</p> <p>(ii) Bilakah kedua-dua kolej ini akan kembali menghasilkan keuntungan?</p>
Hap Seng Consolidated Bhd (AGM/EGM)	<p>1. Bahagian ini berhasrat mewujudkan perkongsian strategik dengan pengeluar baja utama bagi pasaran Indonesia. Di samping itu, bahagian ini juga merancang untuk mengembangkan skop perniagaan dengan memperluaskan rangkaian produk (Halaman 39, Laporan Tahunan 2017).</p> <p>Adakah Kumpulan sedang mengadakan apa-apa perbincangan serius mengenai perjanjian perkongsian? Apakah jenis produk baharu yang akan diperkenalkan dalam masa terdekat?</p> <p>2. Bagaimanakah Lembaga merancang untuk menghadapi penurunan bahagian pasaran di Malaysia daripada 26% pada 2016 kepada 20% pada 2017?</p>
Protasco Bhd (AGM)	<p>Segmen penyelenggaraan akan terus membida kontrak penyelenggaraan jalan termasuk jalan negeri, perbandaran dan luar bandar.</p> <p>Tempahan tender penyelenggaraan kini berjumlah lebih RM1 bilion. Kumpulan yakin dapat memenangi beberapa tawaran. (Halaman 13, Laporan Tahunan 2017).</p> <p>(i) Berapakah nilai kontrak yang dijangka akan diberikan kepada Kumpulan dalam tempahan tender berjumlah RM1 bilion itu?</p> <p>(ii) Sila kongsi dengan pemegang saham tentang syarat khusus apabila membuat keputusan untuk membida kontrak di bawah segmen ini.</p>
MPHB Capital Bhd (AGM)	<p>Kami perhatikan dalam Perbincangan dan Analisis Pengurusan (“MD&amp;A”) di halaman 43 Laporan Tahunan, MPI Generali Insurans Berhad (“MPI Generali”) menyumbang 86.6% dan 43.3% kepada Pendapatan dan Keuntungan Sebelum Cukai (“PBT”) Kumpulan pada TK2017.</p>

**Perkara penting untuk diajukan:**

	<p>Pada 21 April 2017, Multi-Purpose Capital Holdings Berhad (“MPCHB”), sebuah anak syarikat milik Syarikat dan General Asia N.V. telah mengemukakan permohonan kepada Bank Negara Malaysia untuk mendapatkan kelulusan bagi penjualan 21,000,000 (atau 21%) modal saham diterbitkan dan berbayar MPI Generali oleh MPCHB kepada Generali Asia.</p> <p>Apakah sebab di sebalik cadangan pelupusan 21% kepentingan syarikat dalam MPI Generali kepada Generali Asia?</p>
BP Plastics Holding Bhd (AGM)	<p>Halaman 18 Laporan Tahunan menyatakan, margin EBITDA Kumpulan (EBITDA/Pendapatan) mengalami penurunan dalam 3 tahun kewangan sebelum ini daripada 12.5% dalam TK2015 kepada 7.7% dalam TK2017.</p> <p>(i) Apakah langkah yang diambil untuk menghadapi persaingan sengit, tekanan harga dalam pasaran eksport utama serta menangani kenaikan kos buruh?</p> <p>(ii) Bilakah Kumpulan dijangka akan menyambung margin EBITDA dua digit?</p> <p>(iii) Sila jelaskan sama ada mengautomasikan aktiviti pembuatan Kumpulan akan mengurangkan kos buruh yang semakin meningkat?</p>
Chin Hin Group (AGM)	<p>Sektor pengagihan bahan binaan dan penyediaan perkhidmatan logistik (Halaman 32 Laporan Tahunan 2017) mencatatkan pendapatan berjumlah RM625.07 juta pada TK2017, menyusut 11.77% berbanding RM708.45 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya dan menyumbang 61.56% daripada pendapatan Kumpulan yang disatukan.</p> <p>Bagaimanakah Lembaga Pengarah menangani penurunan pendapatan daripada segmen teras ini?</p>
ZELAN BHD (AGM)	<p>Kumpulan merekodkan pendapatan berjumlah RM69.8 juta daripada segmen perniagaan Kejuruteraan dan Pembinaan pada TK2017 berbanding RM221.7 juta pada tahun sebelumnya. Segmen perniagaan ini menyumbang Kerugian Sebelum Zakat dan Cukai (“LBZT”) yang lebih tinggi iaitu RM65.7 juta, berbanding LBZT RM60.7 juta pada TK 2016 (Halaman 11 Laporan Tahunan 2017).</p> <p>Ini disebabkan pendapatan kewangan berjumlah RM36.4 juta ditolak penyusutan dalam nilai dibawa penghutang jangka panjang sebanyak RM54.1 juta, kos kewangan berjumlah RM26.0 juta dan bahagian hasil syarikat bersekutu yang rendah iaitu RM1.1 juta.</p> <p>Bagaimanakah Syarikat menangani kesan penghutang jangka panjang, kos pembiayaan dan bahagian keuntungan syarikat bersekutu yang lebih rendah ini?</p>
Tomypak Holdings Bhd (AGM)	<p>Jualan eksport menurun sejak 2 tahun lalu daripada RM117.1 juta pada TK2015 kepada RM100.76 juta pada TK2017.</p> <p>(i) Halaman 18 Laporan Tahunan 2017 (“AR2017”) mengetengahkan, penurunan jualan berpunca daripada pengurangan jualan kepada pelanggan antarabangsa yang marginnya lebih tinggi daripada margin purata yang dicapai oleh Kumpulan Tomypak secara keseluruhan.</p> <p>Justeru, apakah langkah yang diambil oleh pihak pengurusan untuk meningkatkan jualan kepada pelanggan antarabangsa tersebut serta meningkatkan jualan eksport Kumpulan?</p> <p>(ii) Peningkatan kapasiti pembungkusan fleksibel pada 2018 mungkin melebihi</p>

**Perkara penting untuk diajukan:**

	<p>permintaan dengan ketara seterusnya mencetuskan kebimbangan. Sila kongsikan pandangan anda sama ada kebimbangan ini memberi kesan negatif kepada prestasi Kumpulan, terutama jualan eksport?</p> <p>(iii) Bilakah Kumpulan dijangka akan meneruskan pertumbuhan dalam jualan eksport?</p>
Tune Protect Group Bhd (AGM)	<p>Salah satu fokus utama adalah mentransformasikan perniagaan Kumpulan menerusi platform digital dan menjadi peneraju syarikat insurans digital (halaman 25, Laporan Tahunan).</p> <p>(i) Berapakah jumlah belanjawan yang diperuntukkan untuk pelaksanaan digital?</p> <p>(ii) Apakah sasaran syarikat untuk perniagaan insurans dalam talian memandangkan platform pengedaran dalam talian untuk perlindungan insurans mampu milik hanya menyumbang 0.1% daripada jumlah perniagaan berbanding pelanggan perbankan internet pada 22.8 juta atau 70% daripada penduduk? (Halaman 28, Laporan Tahunan).</p> <p>(iii) Halaman 23 Laporan Tahunan menyatakan, perniagaan perjalanan digital menghadapi pelbagai masalah dalam persekitaran operasi terutama dalam pasaran Malaysia yang mengakibatkan penurunan Premium Bertulis Kasar (“GWP”) dan Keuntungan Selepas Cukai (“PAT”) masing-masing kepada RM105.2 juta dan RM43.2 juta. Bagaimanakah syarikat menangani isu perniagaan seumpama ini dalam pasaran Malaysia?</p>

---

## Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, [lyarahman@mswg.org.my](mailto:lyarahman@mswg.org.my)

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat, [rebecca.yap@mswg.org.my](mailto:rebecca.yap@mswg.org.my)

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat, [banaik.quah@mswg.org.my](mailto:banaik.quah@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, [norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my)

Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat, [kinwing@mswg.org.my](mailto:kinwing@mswg.org.my)

Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat, [linnert.hoo@mswg.org.my](mailto:linnert.hoo@mswg.org.my)

Elaine Choo, Pengurus, Pemantauan Korporat, [elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, [cheemeng@mswg.org.my](mailto:cheemeng@mswg.org.my)

Abdul Halim Alias, Pengurus, Pemantauan Korporat, [halim.alias@mswg.org.my](mailto:halim.alias@mswg.org.my)

Mustaqim Yusof, Penganalisa, Khidmat Korporat, [mustaqim.yusof@mswg.org.my](mailto:mustaqim.yusof@mswg.org.my)

---

### **PENZAHIRAN KEPENTINGAN**

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*

---

### Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke [corporateservices@mswg.org.my](mailto:corporateservices@mswg.org.my).

---

### **PENOLAKAN TUNTUTAN**

*Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).*

*Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*

*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*